

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK419 – Karya Terpilih Kesusasteraan Asia Moden

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Dalam novel *Roots and Shadows*, Shashi Deshpande mempelawa pembaca memikirkan semula beberapa perkara yang seolah-olah sentiasa berkonflik antara satu sama lain. Huraikan perkara-perkara tersebut serta teknik pengarang mengemukakan dan menyelesaikan konflik.
(25 markah)

2. Motif utama *Where Shall We Go This Summer?* oleh Anita Desai ialah perjalanan. Bincangkan.
(25 markah)

3. Melalui *When Heaven and Earth Changed Places*, Le Ly melakukan transformasi diri daripada seorang mangsa serta pengkhianat, yang dianggap sebagai pelacur Amerika dan “bitch” kepada seorang duta dan wirawati nasionalis.
Huraikan cara Le Ly mentransformasikan dirinya melalui penulisan autobiografi beliau.
(25 markah)

4. *Beyond Illusions* oleh Duong Thu Houn mengemukakan sistem pemerintahan komunis yang mengakibatkan pelbagai jenis konflik yang dihadapi oleh watak-watak utama. Sejauh manakah konflik antara Linh dan suaminya Nguyen berpunca daripada hal-hal kenegaraan?
(25 markah)

5. Pada pendapat anda, adakah novel Jepun berjudul *Temple of the Golden Pavilion* dihasilkan sebagai satu pemberontakkan yang yang dicetuskan kerana golongan muda tidak berpuas hati dengan kekalahan Jepun dalam perang Dunia Kedua atau adakah novel ini satu novel yang menyiasat alam psikologi seorang pemuda cacat pertuturan dalam masyarakat? Bincangkan.
(25 markah)

- 3 -

6. Berdasarkan cerpen-cerpen pilihan dalam *A Thousand Years of Good Prayers* karya Yiyun Li, jelaskan cara Li memaparkan kesan silang-budaya dalam masyarakat moden China.

(25 markah)

- oooOooo -